

20/09/2000

E-Village: Peluang dalam teknologi digital filem

PELANCARAN Entertainment Village (E-Village) atau Perkampungan Seni Pintar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, secara tidak langsung menyediakan kemudahan elektronik dan multimedia kepada karyawan tempatan dan luar negara.

E-Village perlu memiliki prinsip dan keyakinan serta mencapai kebangkitan teknologi menerusi kreativiti minda penggiatnya.

Oleh itu, E-Village atau Perkampungan Hiburan tidak boleh dijadikan model seperti Studio Universal di Hollywood, Bollywood atau Hong Kong.

Justeru, Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (MBNS) yang menyediakan perkhidmatan radio dan televisyen satelit pertama negara, Astro, memberikan maklum balas terhadap E-Village.

Ketua Saluran Astro Ria, Hanim Hassan, berkata kerajaan kini menyediakan kemudahan serta kelengkapan dan terpulanglah kepada penggiat filem memajukan industri ini sekali pun ia menuntut perbelanjaan tinggi.

"Menerusi pelancaran E-Village, jelas menunjukkan kerajaan berwawasan dan sedang berusaha mempertingkatkan perkembangan teknologi digital dalam filem, seterusnya membuktikan industri ini mampu bersaing.

"Industri filem tempatan bermula sejak 1940-an lagi. Saya percaya sepanjang tempoh itu hingga kini, karyawan semuanya berbakat dan berpengalaman namun tidak diberi pendedahan sehinggalah wujud E-Village.

"Mereka perlu menggunakan kesempatan dan peluang ini seterusnya mendalami teknologi digital sekali pun pada peringkat awal terpaksa menimba pengalaman daripada penerbit luar," katanya lagi.

Kata Hanim, walaupun bukan pengusaha filem, dia mengetahui ada dana disediakan bagi kemajuan industri filem. Institusi kewangan sedia membantu jika karyawan bersungguh-sungguh berusaha.

Dia berkata demikian selepas sidang media program baru Astro Ria, Bila Larut Malam (BLM) musim ketiga di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, musim baru BLM disiarkan setiap Jumaat, jam 10 malam dan ulangannya, Ahad jam 7.30 malam, bermula 4 Ogos lalu. Ia diterbitkan Antah-UTV Multimedia & Communications Sdn Bhd.

BLM musim ketiga masih mengekalkan penyanyi dan pelakon popular, Afdlin Shauki sebagai hos selain pertama kali menampilkannya sebagai pengarah bersama.

Pemuzik terbabit ialah Acis sebagai pemain keyboard, Aji (gitar utama), Pacai (gitar bass) dan Fendi (dram).

"Kami juga menyediakan segmen Candid Camera yang merakamkan reaksi spontan orang ramai dalam situasi melucukan. Segmen Bakat Saya mempelawa orang ramai memperlihatkan bakat terpendam seperti menyanyi.

"Segmen lain ialah Psychiatrist Session, Cooking Commando dan Game Show yang menampilkan aksi Afdlin dalam pelbagai aksi," katanya.

(END)